

21/12/1998

Tiada peristiwa menarik awal Januari

TIDAK banyak peristiwa menarik atau bersejarah berlaku dalam arena tempatan mahupun antarabangsa bagi tempoh awal 1998 terutama sepanjang Januari dan Februari.

Bagaimanapun, media Barat menyiarkan gambar diambil dari imej video yang menunjukkan Bill Clinton memeluk Monica Lewinsky pada satu majlis keramaian di Rumah Putih, Washington pada 6 November 1996. Ia menggemparkan dunia apabila Presiden Amerika Syarikat itu terbabit dengan skandal seks dengan wanita berkenaan. (Gambar A)

Sehingga kini, skandal Rumah Putih itu belum selesai. Clinton dalam tindakan terbaru untuk mengalih perhatian masyarakat antarabangsa melakukan serangan bom dan peluru berpandu terhadap Baghdad, kononnya untuk menghalang kebangkitan Iraq dengan senjata kimia dan biologi sehingga mengancam negara Teluk lain.

Di dalam negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (duduk di tengah) bersama sebahagian daripada 44 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) bermesyuarat kali pertama di Cyberjaya pada 13 Februari. (Gambar B)

Negara kemudian digemparkan dengan rusuhan penghuni Kem Tahanan Sementara Semenyih pada 27 Mac. Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, dalam satu sidang akhbar menunjukkan senjata yang dirampas daripada sekumpulan perusuh yang membunuh seorang polis dalam kejadian rusuhan berkenaan. (Gambar C)

Sehari selepas itu, iaitu pada 28 Mac, sekumpulan 638 pendatang tanpa izin warga Indonesia meninggalkan Pelabuhan Klang sambil dikawal ketat oleh polis. Mereka sebelum ini ditahan di Kem Tahanan Sementara Semenyih, iaitu tempat tercetusnya rusuhan pada 27 Mac. (Gambar D)

(END)